

MESRA ...
Abdul
Rahman
(kiri)
sedang
beramah
mesra
dengan
pelanggan
di salah
sebuah
restoran di
Inanam.



RM10 juta peruntukan, bangun dewan masyarakat Inanam

NSR 26.2.2018 4

OLEH: NOOR ZAFIRA SHAFIE

KOTA KINABALU: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan mengumumkan peruntukan sebanyak RM10 juta peruntukan bagi tujuan membangunkan dewan masyarakat di Inanam.

"Hari ini saya umumkan peruntukan ini sebagaimana yang telah diberikan oleh Perdana Menteri kita dan akan dibangunkan di kawasan ini (Tapak Pasar Malam Inanam).

"Saya mahu pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) untuk memberi pelan yang unik, yang mempunyai kelainan dan memparkan kekayaan budaya orang tempatan dan dalam masa yang sama memiliki fungsi yang moden," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam satu sidang media kelmarin di Tapak Pasar Malam Inanam selepas upacara perasmian Program Ramai-ramai di Inanam.

Menurut beliau, pembangunan dewan masyarakat tersebut juga perlu memiliki ciri-ciri yang boleh menarik pelancong untuk datang berkunjung selain daripada menjadi hub aktiviti bagi generasi muda.

"Saya mahu dewan ini menjadi ikonik, yang akan menjadi persinggahan pelancong untuk datang mengambil gambar dan sebagainya."

"Selain itu saya juga mahu dewan ini menjadi hub aktiviti bagi generasi muda di kawasan ini," katanya lagi.

Turut hadir semasa majlis ialah Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Jainab Ahmad Ayib dan Mayor, Datuk Yeo Boon Hai.

Sementara itu Abdul Rahman Dahlan memberitahu bahawa penubuhan Majlis Perundingan Sepanggar adalah satu usaha melibatkan ahli akademik dalam menyelesaikan masalah dari akar umbi.

"Sebab utama kita wujudkan majlis ini adalah kerana kita mahukan satu badan yang lebih fokus kepada perancangan pembangunan di Sepanggar dan membincangkan isu yang meliputi ekonomi, sosial, industri, keagamaan dan pendidikan."

"Saya sangat berharap majlis ini yang mana dianggotai oleh ahli akademik, sosiologi, ekologi dan perancangan dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan dapatannya akan kita persembahkan kepada pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan Ketua Menteri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam satu sidang media selepas hadir merasmikan Program Ramai-ramai di Inanam di Tapak Pasar Malam Inanam, kelmarin.

Menurut Abdul Rahman, kerajaan sentiasa mahu mendengar suara rakyat di peringkat akar umbi dan ingin mengapresiasikannya.

"Saya pasti pihak DBKK dan kerajaan negeri serta kerajaan pusat sudah memiliki perancangan pembangunan, namun majlis ini mampu memfokuskan kepada kawasan Sepanggar secara khas dan dapatkan akan dibawa untuk perbincangan empat hingga lima kali setahun."

"Jawatankuasa kerja akan disediakan dan dipergariskan oleh ahli akademik yang terlibat dan mereka turut berbangga dengan penubuhan majlis ini kerana idea dan pendapat golongan ini akan menyumbang kepada pembangunan khususnya di Sepanggar," katanya lagi.

Tambah beliau, semua ahli akademik yang terlibat dalam majlis ini sangat diperlukan untuk lebih memahami isu dari sudut akar umbi dan turun ke kawasan lebih terpencil bagi memahami setiap masalah dan isu yang dihadapi oleh penduduk.

"Kita mahukan pengesahan daripada pihak ketiga iaitu ahli akademik yang mana melalui majlis ini, mereka akan mendengar dan menjelaskan idea-idea berasas yang mana akan membantu pihak kerajaan dalam menyelesaikan isu-isu yang belum diselesaikan," tambahnya lagi.

Ujar beliau juga, hubungan yang erat di antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat adalah kunci kepada kejayaan dalam setiap pembangunan yang dibawakan kepada setiap kawasan.